
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HSM 116 – Sejarah Politik Malaysia Sehingga Awal Abad ke-20

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab sekurang-kurangnya **SATU** soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A

1. Kejayaan Melaka muncul sebagai kerajaan penting di pesisir Selat Melaka pada abad ke-15 adalah berkait rapat dengan keupayaannya meneruskan tradisi yang telah disusun teguh oleh pendahulunya, Srivijaya. Setujukah anda?
2. Abad ke-18 merupakan “zaman Bugis” dalam sejarah Malaysia. Setujukah anda?
3. Banding dan bezakan Perang Perak (1875) dengan Pemberontakan Tani (1928) di Trengganu dengan memberi tumpuan kepada punca kebangkitan dan corak kepimpinan.

4. Sejauhmanakah "Imperialisme Baru" telah menjadi pendorong kuat kepada perluasan kuasa British di negeri-negeri Melayu Semenanjung pada 1870-an?
5. Penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1896 merupakan langkah yang amat bermakna bagi memenuhi hasrat British membentuk apa yang kemudiannya menjadi **British Malaya**. Setujukah anda?

Bahagian B

6. Bincangkan mengapa kerajaan British mengambil Pulau Labuan pada 1846 tetapi menolak beberapa kali penawaran negeri Sarawak daripada James Brooke.
7. Bincangkan mengapa sehingga tahun 1941 Sabah diperintah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara dan bukannya oleh kerajaan British?